

2020/2021

HALUAN KERJAYA

KOMPILASI INISIATIF PIHAK
KERAJAAN UNTUK MENYOKONG
PEKERJAAN GOLONGAN BELIA

*Semua maklumat diperolehi dari laman web agensi
yang relevan dan disenaraikan.



HALUAN KERJAYA

Isu pengangguran dalam kalangan belia merupakan isu yang kritikal di Malaysia. Pandemik Covid-19 memberi kesan yang amat buruk terutamanya kepada golongan belia di mana nilai kedudukan belia menjadi tidak seimbang di dalam pasaran kerja. Kajian menunjukkan bahawa pekerja dari kelompok muda ataupun novis menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk diberi cuti tanpa gaji, sementara kekosongan kerja untuk graduan yang baru sahaja menamatkan pembelajaran di peringkat universiti dikurangkan dan program perantis (*apprenticeship*) turut ditangguhkan. Kemelut Covid-19 mengakibatkan hampir 6 juta belia di Malaysia (berumur 15 - 29 tahun) dalam pasaran tenaga buruh berdepan persekitaran yang lebih sukar dan mencabar. Oleh hal yang demikian, situasi pasaran kerja pada masa kini menggambarkan kadar pengangguran yang berkemungkinan akan kekal untuk tempoh yang lebih lama. Tempoh pengangguran yang lama dan ketidakstabilan dalam pekerjaan pada peringkat awal perkembangan kerjaya boleh membawa kesan buruk pada jangka masa panjang bagi golongan belia.

Kerajaan telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kadar pekerjaan bagi golongan belia dengan menyediakan peluang pekerjaan dan pembangunan kemahiran sebagai imbuhan kepada insuran pengangguran golongan belia. Walaupun krisis ini memberi kesan yang drastik terhadap pasaran buruh, ia juga membuka ruang dan peluang untuk menghasilkan tenaga kerja yang memperolehi kadar peningkatan dalam pembudayaan teknologi serta daya tahan yang tinggi terhadap pelbagai isu dan krisis semasa.

Malaysian Students' Global Alliance (MSGGA) telah mengambil inisiatif untuk mengumpulkan pelbagai idea dan daya usaha yang disediakan oleh pihak kerajaan ketika berlakunya pandemik ini dengan harapan untuk membantu mengurangkan masalah pengangguran dalam golongan belia yang berpanjangan ini.



Penerbitan ini terdiri daripada 3 bahagian:

- i) Peluang pekerjaan
- ii) Program latihan
- iii) Tuntutan henti bekerja

Sementara kita sedang berusaha untuk mengadaptasi kehidupan dalam era pandemik ini, MSGA berharap golongan belia sedar akan inisiatif yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah bertujuan untuk membantu mereka mengikis kemelut yang dihadapi.

Disediakan oleh:
Tay Yi Thong

**Jutaaan terima kasih khusus diucapkan kepada Muhamad Asyraf bin Abdul Azias @ Aziz, Noorlhuda Bin Abdul Rahman, Muhammad Haziq Aiman bin Mohd Hazbauni, Muhamad Faiz bin Zainal, dan Naavish Nair atas sumbangan dan jasa mereka. Tidak dilupakan juga sokongan dan bimbingan daripada Faris Durrani, Matthew Ooi Xian Wei, dan Sohniya Urslla.*



myGIG

Platform ekonomi gig bagi golongan belia yang ingin membuka peluang pendapatan secara digital melalui ekonomi gig atau sebagai pekerja bebas digital

AGENSI

Kementerian Belia & Sukan (KBS)
Kementerian Komunikasi &
Multimedia Malaysia (KKMM)

TEMPOH

Hingga Disember 2020



Program myGIG Servis

Peserta boleh memohon tugas / kerja yang tersedia di atas platform eRezeki seperti perkhidmatan penghantaran, perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan (baikpulih / servis), menjalankan tinjauan dalam talian dan lain-lain.

- Umur 18 - 40 tahun



Program myGIG Digital Freelance

Peserta boleh mencari dan membida projek / peluang pekerjaan yang tersedia di atas platform pasaran pekerja bebas tempatan dan antarabangsa selepas menghadiri sesi pengenalan dan kesedaran berkaitan kerjaya sebagai pekerja bebas digital.

- Umur 18 - 40 tahun
- Memiliki komputer/laptop
- Kecekapan Bahasa Inggeris



Maklumat lanjut

http://ebelia.iyres.gov.my/page/peluang_pekerjaan_myGIG





SKIM PERANTISAN NASIONAL

Skim ini menyediakan peluang perantisan bagi belia yang ingin mendapat pengalaman bekerja melalui jaminan pekerjaan oleh syarikat/organisasi yang terlibat.

AGENSI

Kementerian Belia & Sukan (KBS)
Kementerian Kerja Raya (KKR)
Kementerian Sumber Manusia (MOHR)

TEMPOH

Mulai dari Ogos 2020. Tempoh perantisan 3 hingga 6 bulan.

Objektif

- Menyediakan sistem sokongan dengan memberi pengalaman pekerjaan kepada golongan belia.
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran belia dalam dunia pekerjaan sebenar melalui latihan soft-skills dan on-the-job-training.
- Membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam golongan belia.

Kelayakan

- Warganegara Malaysia
- Berumur tidak melebihi 35 tahun
- Memiliki kelulusan lepasan SPM, STPM, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf kerajaan dalam dan luar negara atau kelayakan lain yang setaraf dengannya.
- Boleh berkomunikasi dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.
- Tiada rekod jenayah.
- Tidak bankrap.
- Sanggup mengikuti program secara sepenuh masa.



Maklumat lanjut

<http://perantisan.kbs.gov.my/kriteria.php>





MYFutureJobs

Platform penyenaiaan pekerjaan yang menggunakan teknologi AI untuk memadankan pencari kerja dengan jawatan kosong yang sesuai berdasarkan profil mereka.

AGENSI

Pertubuhan Keselamatan Social (PERKESO)
Kementerian Sumber Manusia (MOHR)

TEMPOH

Mulai dari 15 Jun 2020

Daftar

Peserta boleh mendaftar diri melalui pautan atau QR code di bawah.



Profil

Peserta perlu melengkapkan profil diri tentang pengalaman kerja, pendidikan, CV, dan lain-lain



Temu Duga

Majikan akan menghantar jemputan temu duga untuk pemohon yang berjaya, dan pemohon boleh terima, tolak, atau mohon tukar tarikh



Mencari Kerja

Sistem ini akan memaparkan jawatan kosong yang relevan dan peserta boleh memohon kerja yang bersesuaian.



Maklumat lanjut

<https://www.myfuturejobs.gov.my/>

*Buku panduan calon boleh didapati dari laman web





PLACE & TRAIN

Employ. Train. Retain

PLACE & TRAIN

Pemohon akan diberikan peluang pekerjaan oleh syarikat / organisasi untuk menjalani program latihan bersertifikat yang berkaitan dengan industri diikuti dengan kontrak kerja minimum 1 tahun di syarikat tersebut.

AGENSI

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF)
Kementerian Sumber Manusia (MOHR)

TEMPOH

Kursus insaniah (*functional*) / umum tidak melebihi sebulan. Latihan penempatan kerja tidak melebihi enam bulan. Penempatan kerja sekurang-kurangnya setahun.



Kumpulan Sasaran

- Individu lepasan sekolah berumur antara 18 hingga 40 tahun dengan atau tanpa sijil sekolah / SPM
- Siswazah yang tidak bekerja
- Individu yang diberhentikan kerja yang berumur antara 18 hingga 55 tahun dan telah berdaftar dengan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)



Manfaat

- Latihan insaniah / teknikal bersubsidi
- Penempatan pekerjaan dengan gaji sebanyak gaji minimum kebangsaan dan ke atas



Maklumat Lanjut

<https://penjanahrdf.com.my/job-seeker/>

*Permohonan boleh dihantar melalui portal syarikat yang disediakan oleh syarikat tersebut.



B40 DEVELOPMENT



B40 DEVELOPMENT

Engage. Produce. Grow

Inisiatif Pembangunan B40 (B40 Dev) bertujuan untuk menyediakan peluang penyertaan khusus kemahiran kepada komuniti B40 atau kelompok rentan untuk meningkat dan memperoleh kemahiran keusahawanan dan mendorong keusahawanan dalam pelbagai industri.

AGENSI

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF)
Kementerian Sumber Manusia (MOHR)

TEMPOH

Program latihan biasanya tidak melebihi masa 3 bulan.



Kumpulan Sasaran

- Individu dari kumpulan pendapatan B40
- Masyarakat rentan seperti warga emas, wanita, belia dan orang kurang upaya



Manfaat

- Latihan insaniah / teknikal bersubsidi yang berkaitan dengan modul keusahawanan
- Bimbingan dan pepadanan perniagaan
- Pendapatan tambahan melalui keusahawanan



Maklumat Lanjut

<https://penjanahrdf.com.my/job-seeker/>

*Permohonan boleh dihantar melalui portal syarikat yang disediakan oleh syarikat tersebut.



GERAK INSAN GEMILANG (GIG)

Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan peluang penyertaan khusus yang berkaitan dengan kemahiran and pengetahuan ekonomi gig kepada rakyat Malaysia, terutama golongan belia, bagi membolehkan mereka menjadi freelancer.



GERAK INSAN GEMILANG (GIG)

Pursue. Achieve. Progress

AGENSI

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF)
Kementerian Sumber Manusia (MOHR)

TEMPOH

Program latihan biasanya tidak melebihi masa 3 bulan.



Kumpulan Sasaran

Rakyat Malaysia yang ingin meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui program latihan untuk menjadi freelancer setelah tamat latihan.

Segmen GIG dibahagikan kepada dua kumpulan sasaran:

1. Pekerja GIG bebas seperti pekerja platform dalam talian dan kontraktor bebas
2. Pekerja kontrak GIG seperti pekerja sementara



Manfaat

- Latihan insaniah / teknikal bersubsidi yang berkaitan dengan keperluan perniagaan GIG
- Bimbingan pengurusan GIG
- Pendapatan tambahan melalui segmen GIG seperti freelancing



Maklumat Lanjut

<https://penjanahrdf.com.my/job-seeker/>

*Permohonan boleh dihantar melalui portal syarikat yang disediakan oleh syarikat tersebut.





Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)

Skim Insurans Pekerja (SIP) merupakan jaringan keselamatan sosial yang disediakan oleh kerajaan untuk pekerja yang diberhentikan kerja atau mengalami pengurangan pendapatan melalui pemberian bantuan kewangan sementara sehingga enam bulan.

AGENSI

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

TEMPOH

Sedia ada dan masih berlangsung. Permohonan perlu dihantar dalam masa 60 hari dari tarikh pemberhentian kerja.



Kelayakan

Akta Sistem Insurans Pekerjaan meliputi semua pekerja yang:

- Merupakan warganegara Malaysia/pemastautin tetap
- Berumur 18-60
- Bekerja dalam sektor swasta
- Berkhidmat berasaskan kontrak perkhidmatan (*contract of service*)



Syarat-syarat

Untuk permohonan semua jenis faedah, pekerja yang diliputi Akta SIP perlu memenuhi syarat-syarat tersebut:

- Membuat permohonan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh kehilangan pekerjaan (LOE).
- Memenuhi Syarat Kelayakan Caruman (CQC). Maksudnya, pemohon mesti membayar caruman kepada SIP dengan bilangan bulan minimum dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- Hilang pekerjaan di bawah definisi kehilangan pekerjaan PERKESO.



Maklumat Lanjut

<https://eiscentre.perkeso.gov.my/ms/permohonan-faedah/>



SEMOGA BERJAYA!



MSGGA
MALAYSIAN STUDENTS'
GLOBAL ALLIANCE